

**Bukti sistem pentadbiran, penyampaian negara semakin matang**  
**Utusan Online**  
**12 Mac, 2012**

KOTA BHARU 11 Mac – Keputusan kerajaan memansuhkan pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dan digantikan dengan penambahbaikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) merupakan bukti kedudukan negara ini sebagai sebuah negara yang matang dalam sistem pentadbiran dan penyampaiannya.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Omar Osman berkata, kerajaan sekarang sudah berani mengubah perancangan asal yang dilihat akan mendatangkan masalah dan ia adalah satu isyarat kematangan yang jarang ditunjukkan sesebuah negara membangun.

Jelasnya, semua pihak perlu sedar realiti bahawa selain masalah peringkat pelaksanaan, jurang pendapatan yang tinggi dalam kalangan penjawat awam juga menjadi pertikaian terhadap SBPA dan adalah wajar apabila ia dimansuhkan.

“Kita memang jangka SBPA akan dipertikai dan pihak universiti sendiri sudah membuat kajian sebelum ini dan mendapati kira-kira 20 perkara utama dalam SBPA akan menjadi masalah.

“Keputusan kerajaan tersebut adalah yang terbaik dan bijak bagi memastikan pembaharuan yang dilakukan kelak akan benar-benar menjadikan perkhidmatan awam sebagai nafas dan nadi kepada pembangunan negara.

“Adalah lebih baik ia dimansuhkan dan yang pentingnya ia menunjukkan Malaysia sekarang menjadi negara yang lebih matang untuk menyesuaikan dengan keadaan sekiranya perancangannya didapati bakal mendatangkan masalah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri pertandingan akhir Debat Piala Naib Canselor 2011/2012 di Dewan Pusat Pembangunan Siswa, Kampus USM Kubang Kerian di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0312&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_18.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0312&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_18.htm)